

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan menyatakan sejauh mana strategi *Genetically Modified Organism* (GMO) dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 tidak bercanggah dengan Akta Biokeselamatan 2007 dan tindakan Kementerian bagi memastikan strategi tersebut dilaksanakan dalam ruang lingkup perundangan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teknologi kejuruteraan genetik kini telah diterima pakai secara meluas di peringkat global. Tanaman yang diubah suai secara genetik (GMOs) dilihat sebagai salah satu sumber yang berpotensi untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi bagi penduduk dunia menjelang tahun 2050 di mana permintaan terhadap makanan dianggarkan meningkat.

MAFI melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 telah mengambil kira dan memasukkan elemen strategi penyelidikan dan pengubahsuaian genetik (*genome editing*) yang sangat berpotensi dan boleh dijadikan alternatif kepada penyelidikan kejuruteraan genetik sedia ada untuk meningkatkan kualiti dan mutu tanaman di Malaysia. Teknologi pengubahsuaian genetik ini merupakan antara elemen pemodenan sektor pertanian ke arah kelestarian sistem makanan kerana dapat membuka peluang untuk modifikasi tanaman seperti penghasilan varieti tanaman yang rintang kepada penyakit dan serangga, peningkatan hasil, kualiti dan nutrisi tanaman serta dapat menangani masalah kekurangan tanah pertanian akibat urbanisasi dan sebagainya.

Agensi penyelidikan MAFI iaitu MARDI telah memulakan penyelidikan melibatkan GMOs yang masih dalam peringkat makmal ataupun dalam kajian lapangan tertutup serta terkawal namun belum ada sehingga peringkat pengkomersialan. Penyelidikan ini dijalankan ke atas tanaman padi, kelapa sawit, cili dan betik untuk meningkatkan ketahanan terhadap serangga dan penyakit ataupun untuk peningkatan kualiti tanaman.

SOALAN NO.: 46

Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678] telah digubal untuk melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi hasil daripada pembangunan produk berasaskan bioteknologi moden seperti GMOs. Akta ini antara lainnya bertujuan untuk memastikan tanaman GMOs atau produk berasaskan GMOs yang memasuki pasaran adalah selamat bagi manusia dan alam sekitar.

MAFI telah merujuk kepada Jabatan Biokeselamatan (JBK) di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air yang berfungsi untuk mengawalselia pelepasan, pengimportan, pengeksporan dan kegunaan terkawal organisma hidup yang diubahsuai secara genetik hasil daripada aktiviti bioteknologi moden.

Dalam hal ini, JBK menyatakan bahawa aktiviti pengubahsuaian genetik (*genome editing*) adalah dikawalselia di bawah Akta 678. Oleh itu, penilaian dan pengurusan risiko daripada aktiviti *genome editing* dilaksanakan oleh mengikut kesesuaian dan keperluan (*case by case*).

Sekian, terima kasih.